



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,  
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036  
Faks : 603-88880962  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)

**‘CEPAT DAN MESRA’**

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2(48)

Tarikh: 18 Januari 2011

## SIARAN MEDIA

### **ANGGOTA BOMBA PERLU YAKIN DAN BERANI**

PUTRAJAYA 18 Januari 2011 – Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim mengingatkan bahawa anggota bomba perlu mempunyai keyakinan diri dan sikap yang betul ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

“Lebih cepat kita sampai ke tempat kecemasan, lebih tinggilah peluang kita untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda. Disinilah terletak kualiti, *delivery system* kita”. Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena Majlis Perbarisan Tahunan 2011 Jabatan Bomba dan Penyelamat di sini hari ini.

Menurut Wan Mohd Nor, anggota bomba diingatkan agar sentiasa berada dalam siapsiaga dari segi mental dan fizikal, ilmu pengetahuan dan kemahiran serta bertindak dengan cepat dan mesra pelanggan.

Beliau juga menekankan bahawa keberanian mestilah menjadi *value* yang tertinggi yang perlu ada pada setiap warga bomba kerana dengan adanya sifat keberanian dan semangat juang yang tinggi untuk melaksanakan tugas yang mencabar dan bersedia mengambil risiko (*calculated risk*) demi menyelamatkan nyawa yang terancam.

Dalam majlis yang sama, Wan Mohd Nor menyampaikan Pingat Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia kepada Presiden CUEPACS, Datuk Omar Osman.

*Dikeluarkan oleh:*

*Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya. Tel+60388880036, Faks: +60388880840; Emel: [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my); Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sobberi Basiran, PKP Pengurusan Korporat [sobberi\\_64@bomba.gov.my](mailto:sobberi_64@bomba.gov.my); [sobberi\\_64@yahoo.com](mailto:sobberi_64@yahoo.com) atau Encik Mohd Azmi Abd Majid di talian 038880036 ext. 325/017-6826205 atau emel [m.azmi@bomba.gov.my](mailto:m.azmi@bomba.gov.my), pegawai penerangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM).*